

## Empat mahasiswa UNISSA sertai program Kem Bahasa Arab di KL

Oleh Nurdiyanah R.

Gambar oleh Azlan Othman

**KUALA LUMPUR, 21 DIS** – Bersempena dengan sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia 2022, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab telah menghantar empat orang mahasiswa Sarjana Muda Bahasa Arab dan Terjemahan bagi menyertai program Kem Bahasa Arab Serantau 2.0 di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, baru-baru ini.

Menurut UNISSA, program tiga hari bermula 16 hingga 18 Disember lalu itu antara lain bertujuan untuk mengukuhkan penggunaan bahasa Arab dan meningkatkan penguasaannya di peringkat nasional, serantau dan global.

Hal ini sekali gus bagi menyampaikan kepentingan perkongsian bersama dalam penganjuran aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan bahasa tersebut seperti pertandingan, seminar, aktiviti

perkhemahan dan pameran sepanjang penghujung tahun ini.

Program yang dihasratkan untuk membantu mempertingkatkan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan mahasiswa itu dianjurkan oleh Universiti Malaya dengan melibatkan kerjasama universiti-universiti di Malaysia serta universiti-universiti antarabangsa dari negara-negara Asia seperti Indonesia dan Negara Brunei Darussalam.

Ini secara tidak langsung dapat menjalin dan mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama antara institusi pengajian tinggi serantau.

Terdapat pelbagai aktiviti menarik yang dijalankan sepanjang program tersebut antaranya mencipta logo dan slogan sorakan kumpulan, eksplorasi, latihan secara berkumpulan, mencipta lagu tema kem, malam kebudayaan Arab dan sebagainya.



Salah seorang mahasiswa UNISSA membuat pembentangan semasa program berkenaan.